



## SIARAN MEDIA

### **PERKESO MEMPERKASA KESEDARAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MENERUSI PERUNTUKAN RM3.7 JUTA GERAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA 38 INSTITUSI DAN NGO BAGI PELAKSANAAN 600 PROGRAM UNTUK TAHUN 2023**

**PUTRAJAYA** – Prihatin akan kesejahteraan golongan di negara ini, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) meneruskan pelbagai inisiatif untuk memperkasa kesedaran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) termasuk memperuntukkan geran kewangan kepada institusi dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) untuk pelaksanaan **program pencegahan kemalangan dan kesedaran KKP**.

Pada tahun ini, PERKESO memperuntukkan sebanyak **RM3.7 juta kepada 38 NGO dan institusi** bagi melaksanakan **600 program**. Program dan aktiviti yang bakal dilaksanakan ini akan menjadi pemangkin yang memacu pembentukan '**Budaya Kerja Selamat dan Sihat**' seperti yang digariskan dalam **Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2021-2025 (OSHMP25)**.

**Yang Berhormat Tuan Mustapha Sakmud, Timbalan Menteri Sumber Manusia** hari ini telah menyampaikan Geran Bantuan Kewangan PERKESO kepada wakil-wakil daripada badan-badan NGO dan institusi terpilih di **Majlis Penyerahan Geran Bantuan Kewangan PERKESO kepada Institusi dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Tahun 2023**.

Turut sama di majlis tersebut adalah **Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed, Ketua Eksekutif PERKESO**.

Dengan menyalurkan geran kewangan kepada institusi dan NGO terpilih, PERKESO dapat menggunakan pelbagai kepakaran mereka, yang merangkumi skop dan kumpulan sasaran yang lebih luas. Aktiviti yang dirancang oleh NGO dan institusi ini meliputi semua dimensi pencegahan dan menepati kumpulan sasar yang ditetapkan

PERKESO, berdasarkan statistik kemalangan dan program pencegahan kemalangan yang menjadi fokus PERKESO.

Data interim PERKESO menunjukkan pada tahun **2022**, sejumlah **29,153** kemalangan perjalanan dan berulang-alik ke tempat kerja (*commuting accidents*) telah dilaporkan kepadanya. Angka kemalangan jalan raya ini lebih tinggi dari **23,894** kemalangan yang dicatatkan sepanjang tahun **2021**. Kemalangan perjalanan pada tahun **2022** telah mengorbankan **609** nyawa pekerja, iaitu meningkat dari **525** orang pekerja yang maut akibat naas jalan raya dalam tahun **2021**.

Peruntukan geran kepada institusi dan NGO berkaitan, yang dilaksanakan **secara tahunan sejak 2001** menerusi **Bahagian Pencegahan, Perubatan dan Pemulihan** serta **Jawatankuasa Pencegahan Bencana Kerja** PERKESO, merupakan salah satu daripada inisiatif berterusan yang PERKESO adakan untuk memperkasa kesedaran KKP, mengurangkan kadar kemalangan, seterusnya meningkatkan kesejahteraan golongan pekerja termasuk mereka yang bekerja sendiri.

Pandemik COVID-19 tidak menjadi penghalang kepada PERKESO untuk terus memperuntukkan geran kewangan bagi pelaksanaan program-program pencegahan dan kesedaran KKP. Pada tahun **2022**, PERKESO memperuntukkan geran sebanyak **RM3.57 juta** kepada **38 penerima** dari badan NGO dan institusi untuk pelaksanaan **613 program**, berbanding **RM3.16 juta** kepada **36 penerima** untuk pelaksanaan **489 program** pada **2021**; **RM4.37 juta** kepada **37 penerima** untuk **486 program** dalam tahun **2020**; dan **RM4.97 juta** kepada **34 penerima** untuk **593 program** pada **2019**.

Selain itu, PERKESO juga menjalankan pelbagai lagi aktiviti pencegahan dan kempen kesedaran KKP seperti Ops Cegah, Program Advokasi Pencegahan Kemalangan dan kolaborasi bersama PDRM bagi Program Pencegahan Kemalangan di bawah Skim Pekerjaan Sendiri. Kesemua program ini juga bertujuan untuk mencapai sasaran di bawah **Pelan Strategik & Tranformasi PERKESO 2021-2025** iaitu **penurunan sebanyak 10 peratus** dalam kadar kemalangan industri dan kemalangan perjalanan pada tahun **2025**.

PERKESO menyeru kepada semua penerima geran kewangan PERKESO supaya merancang semua program dengan teliti dan rapi serta membelanjakan geran tersebut dengan berhemah, telus dan penuh akauntabiliti. PERKESO akan memantau prestasi pelaksanaan program yang dilaksanakan secara “quarterly basis” atau setiap tiga bulan.

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**

**2 Februari 2023**

**Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Hamisah Hamid di talian + 6019 – 3833 605.**